



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PERLUASAN INISIATIF BANTUAN SUBSIDI PEMBELIAN TIKET PENERBANGAN BAGI LALUAN DOMESTIK ANTARA SEMENANJUNG, SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN KEPADA PELAJAR POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI, KOLEJ MATRIKULASI DAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Susulan pengumuman berkaitan pelaksanaan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dibuat pada 12 Julai 2023, Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan inisiatif ini telah diperluaskan kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula pada hari ini bersamaan 6 Oktober 2023.

Selaras dengan itu, para pelajar politeknik, kolej komuniti, matrikulasi dan institut pendidikan guru boleh membuat semakan kelayakan melalui laman sesawang Kementerian Pengangkutan (<https://subsidiudara.mot.gov.my/>).

Setelah membuat semakan, pelajar yang layak boleh membuat permohonan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan daripada **mana-mana satu (1) syarikat penerbangan** seperti Malaysia Airlines (termasuk MASwings dan FireFly), AirAsia, Batik Air dan MYAirline yang dipilih oleh pelajar melalui laman sesawang syarikat penerbangan tersebut.

Sekiranya pelajar didapati tidak layak, pelajar boleh membuat semakan dan rayuan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atau Kementerian Pendidikan Malaysia melalui institusi pendidikan masing-masing. Buat masa ini, pelajar yang layak hanyalah pelajar yang berdaftar di politeknik, kolej komuniti, matrikulasi dan institut pendidikan guru sehingga sesi akademik 2022/2023 serta belum menamatkan pengajian selepas sesi akademik tersebut.

Setelah menerima permohonan tersebut, syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada pelajar sebagai *credit shell* untuk membeli tiket penerbangan. Sekiranya harga tiket yang dibeli adalah kurang daripada RM300, baki baucar digital akan kekal dalam *credit shell* dan boleh digunakan untuk pembelian tiket seterusnya.

Tarikh akhir penebusan baucar untuk pembelian tiket penerbangan adalah pada **31 Disember 2023**. Namun, pembelian tiket penerbangan untuk perjalanan selepas tarikh akhir penebusan baucar adalah dibenarkan.

Bantuan ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Perpaduan untuk mengeratkan hubungan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan di samping menangani isu kos sara hidup selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **Mengenai MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

## **Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia  
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mail [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)